

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL) KEPADA PENERUSI SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA (SPR)

TARIKH / HARI : 4 MEI 2026 / ISNIN

MASA : 2.30 – 3.30 PETANG

**TEMPAT : BILIK GERAKAN, ARAS 9
MENARA SPR, PUTRAJAYA**

YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang diketuai oleh YBrs. Tuan Ismadi bin Sakirin, Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL pada 4 Mei 2026 (Isnin) bertempat di Bilik Gerakan, Aras 9, Menara SPR, Putrajaya.

Semasa kunjungan hormat ini perbincangan berkisar mengenai penglibatan aktif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam urusan pilihan raya khususnya bagi Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-16 memandangkan DBKL merupakan salah satu rakan strategik penting dalam memastikan kelancaran urusan pilihan raya berkenaan. Penglibatan DBKL tidak terhad kepada petugas dan pegawai pilihan raya sahaja tetapi turut merangkumi aspek ketenteraman awam, pematuhan undang-undang kecil kerajaan tempatan serta penggunaan premis - premis dan aset di bawah seliaan DBKL.

Turut hadir dalam sesi ini adalah YBrs. Dr. Azmi Sharom, Timbalan Pengerusi SPR, YBhg. Datuk Khairul Shahril bin Idrus, Setiausaha SPR, YBrs. Puan Norzawatil Amali binti Alias, Timbalan Setiausaha (Operasi) SPR, Encik Yusmazy bin Md Yusup, Pengarah Pilihan Raya Negeri W.P. Kuala Lumpur, Encik Aizwan bin Anuar, Setiausaha Bahagian (Penjalanan Pilihan Raya) SPR dan pegawai-pegawai SPR.

Secara keseluruhannya, kunjungan hormat ini yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan DBKL telah berjalan dalam suasana yang

harmoni dan berjaya mencapai objektifnya. SPR juga turut merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak DBKL kerana sudi menjayakan kunjungan hormat ini.